



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**30 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 650 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 217,502 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Kinabatangan, Sandakan, Semporna, Tambunan dan Tenom. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 412 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 206,572 orang. Manakala 1,813 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 709 orang di hospital, 1,087 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 16 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 80 orang merangkumi 78 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 106 (48.85%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Jumlah kes bagi negeri Sabah hari ini naik mendadak kepada (650) kes berbanding (589) kes semalam. Ini merupakan peningkatan yang agak besar (+61) kes.
- b Jumlah daerah yang mencatatkan penurunan dan peningkatan kes adalah sama iaitu masing-masing 13 dengan satu (1) daerah lagi kekal sebagaimana catatan semalam. Kecuali Kinabatangan dan Tawau, daerah-daerah Pantai Timur Sabah menunjukkan kawalan penularan virus COVID-19 yang baik dengan jumlah jangkitan yang sedikit.
- c Bilangan daerah yang mencatatkan peningkatan ketara agak banyak iaitu Tuaran (+49) kes, Kinabatangan (+40) kes, Beaufort (+36) kes, Kota Belud (+18) kes, Tawau (+18) kes, Sandakan (+11) kes dan Putatan (+10) kes. Daerah yang mencatatkan penurunan jumlah kes ialah Kudat (-24) kes, Tenom (-21) kes, Kota Kinabalu (-19) kes, Tambunan (-12) kes dan Lahad Datu (-11) kes.
- d Tidak ada kes lewat daftar keputusan ujian saringan COVID-19 melebihi 5 hari direkodkan hari ini. Sejumlah (392) kes atau 60.3% merupakan kes yang berlaku dan didaftar dalam tempoh 24 jam yang lalu. Sebanyak (244) kes atau 37.5% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari. Selebihnya adalah kes-kes lewat daftar antara 4 hingga 5 hari. Ini satu petanda bahawa sistem pendataan JKNS bertambah baik berbanding sebelum ini.
- e Adalah diperhatikan Sabah sedang melalui trend peningkatan kes jika dinilai melalui graf kes harian bagi tempoh 14 hari yang lalu. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan dengan mengambilkira perlonggaran pelbagai aktiviti ekonomi dan sosial serta tahap pematuhan SOP yang mula menurun dikalangan penduduk.

- f Masyarakat diperingatkan sekali lagi keperluan bagi mematuhi semua SOP walaupun sudah lengkap divaksin. Vaksin tidak menjadikan kita kebal daripada jangkitan. Kes-kes baharu setiap hari menunjukkan bahawa secara purata 60% daripada semua jangkitan harian adalah keatas mereka yang sudah menerima vaksin lengkap.
- g Keberkesanan vaksin dapat dilihat daripada statistik harian pesakit. 95.4% daripada keseluruhan kes hari ini berada dalam Kategori 1 dan Kategori 2, yakni pesakit-pesakit yang tidak perlu rawatan di hospital. Dua (2) kes berada dalam Kategori 3, empat (4) kes dalam Kategori 4 dan empat (4) kes dalam Kategori 5. Sejumlah (20) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.
- h Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (363) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	42	6.46%
2	Bergejala	207	31.85%
3	Kontak	363	55.85%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	38	5.84%
<b>JUMLAH</b>		<b>650</b>	<b>100%</b>

- b Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (29 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 29/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 30/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Tuaran	19	68	+49
2	Kinabatangan	14	54	+40
3	Beaufort	19	55	+36
4	Kota Belud	59	77	+18
5	Tawau	13	31	+18
6	Sandakan	12	23	+11
7	Putatan	7	17	+10
8	Kunak	2	6	+4
9	Tongod	1	5	+4
10	Papar	33	35	+2
11	Semporna	1	3	+2
12	Kota Marudu	45	46	+1
13	Nabawan	3	4	+1
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Kudat	31	7	-24
16	Tenom	38	17	-21
17	Kota Kinabalu	66	47	-19
18	Tambunan	22	10	-12
19	Lahad Datu	23	12	-11
20	Keningau	26	17	-9
21	Sipitang	15	6	-9
22	Beluran	14	5	-9
23	Ranau	53	48	-5
24	Penampang	30	25	-5
25	Kuala Penyu	7	2	-5
26	Pitas	23	20	-3
27	Telupid	13	10	-3
<b>JUMLAH</b>		<b>589</b>	<b>650</b>	<b>+61</b>

- c Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (16 Oktober – 29 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Belud	0	47	25	0	5	77	760
Tuaran	0	52	15	0	1	68	420
Beaufort	0	36	19	0	0	55	512
Kinabatangan	42	9	3	0	0	54	277
Ranau	0	39	8	0	1	48	608
Kota Kinabalu	0	25	17	0	5	47	727
Kota Marudu	0	22	22	0	2	46	490
Papar	0	21	14	0	0	35	332
Tawau	0	14	9	0	8	31	190
Penampang	0	10	14	0	1	25	318
Sandakan	0	14	6	0	3	23	172
Pitas	0	8	9	0	3	20	240
Tenom	0	11	6	0	0	17	469
Keningau	0	11	3	0	3	17	419
Putatan	0	8	9	0	0	17	176
Lahad Datu	0	8	4	0	0	12	287
Tambunan	0	6	4	0	0	10	266
Telupid	0	4	6	0	0	10	94
Kudat	0	1	6	0	0	7	347
Sipitang	0	4	2	0	0	6	187
Kunak	0	1	3	0	2	6	53
Beluran	0	2	2	0	1	5	181
Tongod	0	5	0	0	0	5	59
Nabawan	0	3	1	0	0	4	68
Semporna	0	0	0	0	3	3	50
Kuala Penyu	0	2	0	0	0	2	59
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	18
<b>JUMLAH</b>	<b>42</b>	<b>363</b>	<b>207</b>	<b>0</b>	<b>38</b>	<b>650</b>	<b>7,779</b>

- d Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Blok 03	36
	Kluster Sungai Bendara	6
<b>Jumlah</b>		<b>42</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,235 unit

- Hospital 1,886 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,879 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.08%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 30 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	637
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	12
<b>Jumlah</b>	<b>650</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Korea Selatan	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	598
Bukan Malaysia	52
<b>Jumlah</b>	<b>650</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	132
Belum Menerima Vaksin	100
Menerima 1 Dos	6
Lengkap 2 Dos	412
<b>Jumlah</b>	<b>650</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	55
6 to 11	73
12 to 17	26
18 to 25	83
26 to 59	341
>60	68
<b>Jumlah</b>	<b>650</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 29 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,669 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,550 orang adalah penduduk dewasa dan 3,119 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 29 Oktober 2021 adalah seramai 2,423,262 orang. Ini meliputi 2,095,322 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.96% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,321,070 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,048,711 orang atau 74.27% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 327,940 orang atau 75.56% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 272,359 atau 62.76% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **660,435** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,339 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 54 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 122 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,007 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis dikeluarkan pada hari ini iaitu satu (1) di daerah Lahad Datu dan satu (1) di daerah Kinabatangan. Tiada notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 366 premis perniagaan dan 499 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 255 Premis Perniagaan melibatkan 144 anggota APM. Sebanyak satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 167 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 13 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 135 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 121 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.7%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kota Marudu	98.5%
2	Keningau	98.5%
3	Kunak	98%
4	Beaufort	98%
5	Kudat	98%
6	Kinabatangan	98%
7	Papar	98%
8	Kota Kinabalu	98%
9	Lahad Datu	97.5%
10	Beluran	97.5%
11	Semporna	97.5%
12	Penampang	97.5%
13	Kota Belud	97.5%
14	Ranau	97.5%
15	Sipitang	97.5%
16	Tawau	97%
17	Tuaran	97%
18	Tenom	97%
19	Sandakan	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**